

26 MAY 2003

Syed Hamid-Limbang

SYED HAMID SAHKAN ISU LIMBANG TIDAK DIBAWA KE ICJ

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata isu Limbang tidak akan dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) kerana ia tidak melibatkan soal tuntutan daerah itu antara Malaysia dan Brunei.

Sebaliknya, beliau berkata apa yang perlu diselesaikan oleh kedua-dua negara berjiran itu sekarang ialah isu sempadan darat dan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) yang diharap dapat diselesaikan dalam satu pakej.

"Limbang adalah sebahagian daripada wilayah Malaysia yang terletak di Sarawak. Itu tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak dan perkara itu tidak menjadi isu yang kita akan bawa ke meja rundingan untuk dibahaskan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan sidang berita khas mengenai Tahun Pertukaran Asean-Jepun 2003 di sini.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata: "Kita adalah negara bersempadan dan ini memberikan hak kepada kepentingan maritim termasuk Zon Ekonomi Eksklusif. Jadi kita mencari pendekatan kerana Brunei pun terletak di tempat yang sama.

"Ada benda-benda yang kita tuntutan dekat situ yang bertindih dengan tuntutan Brunei. Jadi kita hendak menyelesaikannya dan untuk ini, ada kemungkinan kita mengambil beberapa pendekatan yang membolehkan kita menyelesaikannya secara keseluruhan."

Beliau berkata terdapat perbincangan dari masa ke masa antara kedua-dua belah dengan setiap pihak mengemukakan hujah masing-masing untuk menyelesaikan hal itu.

"Tetapi tiada keputusan dicapai, kita tidak dapat capai penyelesaian. Kali ini ada perkara-perkara tertentu yang kami rasa cukup menarik bagi kedua-dua pihak untuk mencapai persetujuan. Kita berharap dapat mencapai satu rangka kerja perjanjian yang turut mengambil kira beberapa perkara lain," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei bertemu pada Sabtu lepas di Pulau Pinang dan dalam pertemuan itu mereka membincangkan beberapa isu dua hala yang masih tertangguh.

Syed Hamid berkata apa yang penting ialah terdapat hasrat di kedua-dua belah pihak untuk menyelesaikan pertikaian itu secepat mungkin.

"Tarikh yang telah dinyatakan oleh kedua-dua pihak menunjukkan mereka mahu isu itu diselesaikan sebelum Dr Mahathir berundur daripada jawatannya pada Oktober ini," kata beliau lagi.

Mengenai program pertukaran Asean-Jepun Tahun 2003 yang mana Malaysia merupakan penyelaras bagi bulan Jun, Syed Hamid berkata 63 acara akan diadakan di negara ini sehingga akhir tahun.

Antara intipati program itu ialah kolokium Jepun-Asean yang dijadualkan pada 29-30 Jun dan Pameran Pendidikan Jepun yang dianjurkan oleh Persatuan Siswazah Jepun Malaysia pada 27-28 Jun.

Program tahun pertukaran itu dicetuskan oleh Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi semasa lawatan beliau ke negara-negara Asean pada tahun lepas.

Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Thailand, Filipina, Singapura dan Vietnam.

-- BERNAMA

MAM PR